

Rumusan Diskusi

HALA TUJU ALAM SEKITAR 2023

BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

11 SEPT 2023 | 2.15 PM – 4.30 PM

BILIK MESYUARAT UTAMA,
BLOK AHLI PARLIMEN & PENTADBIRAN,
PARLIMEN MALAYSIA.

Tetamu Jemputan

YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Ahli Parlimen Kubang Kerian.
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains Dan Perladangan

Anjuran

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

DISKUSI HALA TUJU ALAM SEKITAR

BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN

Hak Cipta © 2023, Yayasan Strategik Lestari (YSL)

Diterbitkan oleh Yayasan Strategik Lestari (PPAB-14/2022).
Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan.
Unit A-2-16, Coplace 2, Blok 2260, Jalan Usahawan 1, Cyber 6,
63000 Cyberjaya, Selangor.

Emel: admin@yayasanstrategiklestari.my
Laman web: www.yayasanstrategiklestari.my

Penasihat: Dr. Mukhtaruddin bin Musa,
Pengurus Bahagian Penyelidikan & Penerbitan, YSL.

Pengarah Program: En. Mohamad Izzat bin Tuan Ibharim

Ahli Jawatankuasa Program:
Cik Hanisah binti Abdul Rahman Sevanathan
En. Mohd Hafizuddin bin Mohd Yahaya
En. Ahmad Shauqi bin Johara

Penafian: Yayasan Strategik Lestari (YSL) tidak bertanggungjawab terhadap pandangan dan ketidaktepatan maklumat yang dikemukakan mana-mana individu di dalam diskusi. Ia tertakluk kepada pandangan peribadi dan tidak semestinya menggambarkan pendirian YSL.

Isi Kandungan

1. LATAR BELAKANG 3

2. RUMUSAN PROGRAM 4

A) Ringkasan Ucapan Perasmian 4

Realiti Semasa Sektor Alam Sekitar 4

Langkah Mitigasi versus Adaptasi 7

Kesimpulan 7

B) Hasil Perbincangan 8

1) Kesan Domino Perubahan Iklim 8

2) Keperluan Ekonomi 10

3) Pendidikan & Pembudayaan 10

4) Polisi dan Keazaman Politik 11

3. KESIMPULAN 13

1. LATAR BELAKANG

Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia telah menerbitkan satu laporan tentang risiko iklim bagi negara Malaysia. Terdapat beberapa aspek yang dilihat agak membimbangkan terutamanya isu-isu melibatkan alam sekitar.

Pertama; Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) memaklumkan bahawa Malaysia mempunyai kebarangkalian untuk berlaku gempa bumi berdasarkan kepada bukti-bukti empirikal. Perkara ini turut disokong oleh Ketua Penyelidik Kumpulan Penyelidikan Kejuruteraan Seismologi dan Gempa Bumi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Ir. Dr. Azlan Adnan yang menyatakan negara kini sudah berada dalam Lingkaran Api Pasifik yang menjadikan Malaysia terdedah dengan risiko gempa.

Kedua; peningkatan purata suhu permukaan sebanyak 0.14ºC – 0.25ºC daripada tahun 1970 hingga 2013. Walaupun nilai tersebut kecil tetapi memberikan kesan yang besar terhadap kehidupan manusia dan keterjaminan makanan. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) baru-baru ini menyatakan bahawa Malaysia perlu bersiap sedia menghadapi cuaca panas yang mungkin menjejaskan sektor pertanian negara.

Ketiga; kira-kira hampir 30,000 kilometer persegi tanah yang diduduki oleh 5 juta rakyat Malaysia merasakan kesan banjir tahunan. Dijangka menjelang tahun 2035 hingga 2044, peningkatan median jumlah penduduk yang terjejas akibat banjir sungai ekstrem adalah sekitar 102,290 orang, meningkat 140% daripada tempoh 1971 hingga 2004.

Keempat, peningkatan suhu global turut mendorong peningkatan paras air laut. Berkemungkinan seluruh kawasan paya bakau Malaysia akan tenggelam menjelang tahun 2040.

Kelima, kerajaan negeri dijangka akan merangka peruntukan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan perlombongan unsur nadir bumi (*Rare Earth Element* (REE)) dengan kawal selia oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Kesan langsung daripada aktiviti perlombongan yang bakal dijalankan perlu mendapat perhatian pihak bertanggungjawab seterusnya menjalankan kajian terperinci sebelum memberikan kelulusan bagi aktiviti perlombongan.

Antara objektif diskusi ini adalah untuk membentuk hala tuju dan strategi bagi tindakan bersama untuk memastikan jaminan dan kelestarian sumber alam sekitar melalui pelan pembangunan

lestari. Selain itu, kajian yang mendalam juga diperlukan bagi memperkukuh rantaian nilai di sepanjang ekosistem pembangunan fizikal, khususnya berkaitan alam sekitar yang lestari.

Diskusi ini juga bermatlamatkan untuk menyediakan platform bagi memperkasakan maklumat dan risikan sumber alam sekitar serta keseragaman amalan, dengan memperkemas piawaian, pengukuran, kaedah dan pendekatan.

Justeru, Yayasan Strategik Lestari (YSL) membuka ruang perbincangan bagi menghimpunkan badan bukan kerajaan supaya dapat bersama-sama bekerjasama menjadi penyemak imbang yang progresif terhadap isu-isu melibatkan alam sekitar yang lestari.

2. RUMUSAN PROGRAM

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu, pertama adalah ringkasan ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man di mana beliau telah berkongsi perkembangan dan isu-isu alam sekitar yang berlaku di dalam dan luar negara. Bahagian kedua adalah kesimpulan perbincangan.

A) Ringkasan Ucapan Perasmian

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man, Ahli Parlimen Kubang Kerian dan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Parlimen.

Realiti Semasa Sektor Alam Sekitar

Terkini, berlaku peralihan fokus di antara dua Persidangan Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) COP26 pada tahun 2021 dan COP27 pada tahun 2022, daripada langkah mitigasi kepada langkah adaptasi. Antara resolusi sidang COP26 adalah negara-negara maju perlu memberi USD 100 bilion kepada negara-negara membangun sebagai komitmen bagi mengurangkan pelepasan karbon dan menampung transisi tenaga arang batu kepada gas.

Apabila berlaku transisi tersebut, rakyat perlu bersedia untuk membayar bil elektrik yang lebih mahal, hasil daripada transisi tersebut. Bukan itu sahaja, negara juga berkemungkinan tidak mampu menanggung belanja yang tinggi hasil daripada peralihan ini. Persoalannya, sejauh mana komitmen tersebut ditunaikan di peringkat antarabangsa, sedangkan perindustrian sebahagian besarnya berlaku di negara-negara maju, tetapi negara-negara membangun yang diminta untuk mengawal aktiviti pembangunan. Namun, kita pula terpaksa membuat pembangunan seperti membina tempat tinggal, laluan pengangkutan dan sebagainya untuk keperluan setempat. Inilah konflik yang sedang berlaku di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Malaysia telah memberi komitmen yang besar di peringkat antarabangsa ke arah *Net Zero* 2050 telah diringkaskan (Gambar 1) dan telah mendapat anugerah sebagai salah sebuah negara yang terbaik dalam pelaporan iklim. Bagi mencapai aspirasi dan sasaran tersebut, Malaysia akan melaksanakan perkara-perkara berikut (Glasgow, 2021):

1. Melaksanakan dasar ‘carbon pricing’ secara berfasa untuk menyokong usaha negara untuk mengurangkan pelepasan GHG;
2. Mencapai kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 31% pada tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035 bagi grid kebangsaan melalui Pelan Peralihan Tenaga Malaysia 2021-2040;
3. Aspirasi sasaran perolehan 100% kenderaan Kerajaan yang bukan berasaskan enjin pembakaran dalaman pada tahun 2030;
4. Mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan hutan negara seperti yang diumumkan di Persidangan Bumi Rio pada tahun 1992;
5. Melaksanakan kaedah natural-based solution sebagai asas penyelesaian global bagi mengurangkan kesan jangka panjang seperti penanaman 100 juta batang pokok bermula pada tahun 2021 hingga 2025;
6. Mencapai sasaran sifar sisa yang dihantar ke tempat pelupusan sampah melalui konsep sisa kepada tenaga dan meningkatkan kadar kitar semula kepada 40% pada tahun 2025;
7. Transformasi bandar di Malaysia ke arah pembangunan rendah karbon di bawah Pelan Induk Bandar Rendah Karbon; dan
8. Meningkatkan ketahanan kepada impak jangka masa panjang perubahan iklim melalui pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan.



Gambar 1: Sasaran Malaysia menuju *Net Zero* 2050 (Sumber: Ringkasan dibuat oleh penyelidik YSL berdasarkan rekod-rekod melibatkan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)

Selain itu, Malaysia telah meletakkan komitmen untuk tidak menebang hutan melebihi 50% hutan negara di peringkat antarabangsa, tetapi realiti di negara kita, pembalakan adalah salah satu sumber pendapatan negeri dan kita juga perlu membangun rumah dan pembangunan lain. Jadi perkara ini memerlukan sinergi dan pertimbangan di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri untuk merealisasikan hasrat negara.

Tiga sektor utama yang menyumbang pelepasan karbon dan metana yang besar iaitu sektor tenaga, pengangkutan dan industri. Di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12, Perdana Menteri telah mengumumkan peralihan kenderaan konvensional kepada *electric vehicle* (EV) dan peningkatan penggunaan solar. Bagaimanakah pelupusan kereta-kereta konvensional dilakukan sedangkan tindakan ini juga menyumbang kepada pelepasan karbon yang besar.

Apa yang menjadi kebimbangan adalah peralihan ini hanyalah transisi solusi masalah sekarang kemudian meletakkan beban yang akan ditanggung oleh generasi akan datang. Kita harus akui bahawa kesempatan ini diambil oleh industri pengeluar kenderaan elektrik. Oleh itu, kita semua

perlu melihat lebih jauh dan memikirkan bagaimana rakyat mengadaptasi dengan perubahan iklim dengan kos yang tidak membebankan.

Langkah Mitigasi versus Adaptasi

Negara boleh meneruskan langkah mitigasi sebagaimana yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, bagi langkah adaptasi, perkara ini memerlukan kos yang tinggi, seperti projek tebatan banjir. Projek ini memakan belanja yang tinggi, mungkin jika RMK-12 tamat sekalipun, usaha menghadapi banjir mungkin tidak akan cukup disebabkan projek disiapkan sedikit demi sedikit, bergantung kepada peruntukan berbanding jika ianya disiapkan secara sekaligus dan tersusun. Oleh itu, kerajaan perlu menyediakan langkah adaptasi mengikut kajian yang sewajarnya dan praktikal bagi jangka masa panjang. Sehingga kini kerajaan masih dalam proses merangka dasar adaptasi perubahan iklim yang sesuai.

Seperti contoh, bagi bersedia menghadapi banjir, kerajaan perlu berterus terang kepada rakyat tentang risiko membeli rumah di sesetengah kawasan kerana kerajaan mempunyai data berkaitan kawasan yang berisiko bencana alam. Data risiko kawasan perumahan ini amat penting supaya rakyat dapat membuat pertimbangan yang wajar bagi membeli rumah.

Kesimpulan

Kita tidak perlu bersaing dalam memperjuangkan isu alam sekitar tetapi perlu bergerak sebagai satu pasukan merentasi sempadan kepartian. NGO dan orang awam diharapkan dapat menjadi badan semak imbang yang strategik kepada kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan melalui perkongsian maklumat tentang isu-isu alam sekitar melalui satu sekretariat bersama. Maklumat ini kemudiannya boleh disumbangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Alam Sekitar, Sains dan Perladangan untuk perhatian lanjut. Selain itu, kajian-kajian berkaitan alam sekitar yang mendalam juga perlu dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan dasar dan polisi negara. Kajian ini kemudiannya dapat menjadi panduan kepada pembuat dasar bagi mencadangkan polisi yang praktikal kepada masyarakat. Kita juga memerlukan penglibatan aktif dengan media ke arah meningkatkan kesedaran dan advokasi awam.


B) Hasil Perbincangan

Beberapa topik telah dikenal pasti hasil daripada perbincangan bersama dan dikategorikan seperti di bawah:-

1) Kesan Domino Perubahan Iklim

Perubahan iklim di bahagian kutub memberikan kesan berantai kepada seluruh dunia. Pengumpulan maklumat tentang perubahan iklim di kutub Artik dan Antartika adalah satu kaedah memerhati perubahan suhu global. Pengembara kutub negara, Dr Sharifah Mazlina membangkitkan bahawa berlaku kesan perubahan iklim yang ekstrem melibatkan *iceberg* dan *ice wall* di seluruh dunia seperti di Artik, Antartika, dan Greenland, Alaska yang runtuh, mencair dengan sangat cepat.

Suhu di Antartika naik dengan mendadak sehingga pernah mencecah -5ºC berbanding suhu sepatutnya -30ºC pada tahun 2004. Ketebalan ais Antartika pada awalnya pula setebal 2.9 km persegi, kini menipis kepada 1.9 km persegi. Perubahan kawasan yang dilitupi ais laut juga berkurangan dengan agak ketara pada tahun 2015 berbanding pada tahun 2000. Ini boleh memberi kesan kepada bencana alam luar jangka seperti tsunami, ribut taufan, cuaca panas yang ekstrem dan sebagainya. Perubahan tersebut digambarkan secara terperinci dalam Gambar 2 di bawah.



Gambar 2: Perubahan Kawasan Ais Laut di Artik Kutub Utara dan Antartika di Kutub Selatan. (Sumber: National Snow and Ice Data Center (2020))

Antara NGO yang aktif memperjuangkan isu perubahan iklim kutub di peringkat antarabangsa ialah 2041 ClimateForce yang diasaskan oleh Robert Swan. Kajian yang dibuat oleh beliau menjangkakan bencana alam yang besar akan berlaku seawal-awalnya tahun 2041 dan ke atas akibat kenaikan paras air laut selepas pencairan ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan.

Malaysia juga perlu bersedia untuk berhadapan dengan kemungkinan bencana alam ekstrem seperti gempa bumi dan tsunami. Masyarakat perlu dipersiapkan dengan ilmu menghadapi perubahan iklim. Antara usaha yang dilakukan oleh pempengaruh Dr Sharifah untuk mendidik masyarakat melalui Tik Tok Kiamat Iklim dengan *hashtag* ‘Biar Tahu Jangan Panik’.

2) Keperluan Ekonomi

Perkembangan ekonomi yang mampan sangat berhubung kait dengan pemeliharaan alam sekitar. Ahli politik perlu memainkan peranan yang sangat penting untuk memikirkan bagaimana keperluan rakyat seperti aspek keterjaminan bekalan, harga makanan yang meningkat secara mendadak, kecukupan bekalan air bersih dapat diselesaikan dengan kadar yang segera. Pertimbangan bagi memperjuangkan alam sekitar mestilah selari dengan keperluan ekonomi rakyat tanpa melampaui batas dan kajian yang teratur.

Terkini, Malaysia berpotensi menghadapi migrasi iklim disebabkan oleh perubahan iklim yang semakin kritikal berlaku di seluruh dunia. Migrasi iklim ini boleh mengakibatkan penduduk kehilangan tempat tinggal dan sumber pendapatan. Bukan itu sahaja, ekosistem haiwan liar dan hidupan lain juga terkesan akibat pemanasan global. Oleh itu, kesan perubahan iklim adalah perkara yang serius di mana isu alam sekitar dan kos sara hidup tidak wajar disekulerkan. Kerajaan perlu segera bertindak merangka dasar dan membuat pemantauan yang holistik secara pantas dan teratur bagi memastikan kesan kos sara hidup dapat diminimakan.

3) Pendidikan & Pembudayaan

Aktiviti persembahan budaya dan kraftangan adalah salah satu cara menarik generasi muda belajar tentang isu alam sekitar. Salah satu kaedah yang dilaksanakan oleh NGO Persatuan Lestari Alam ialah mewujudkan *Eco-Cultural Hub* sebagai strategi mempromosi dan mendidik orang ramai tentang isu-isu berkaitan alam sekitar. Hub ini bertujuan untuk memberikan kesedaran dengan menggabungkan kesenian dan alam sekitar dengan menyasarkan penyertaan anak muda.

YBrs. Prof Madya Dr Haliza juga mencadangkan agar kerajaan dapat mewujudkan satu hub data berpusat bagi mengumpulkan data-data berkaitan alam sekitar untuk makluman orang awam. Selain itu, perhatian perlu diberikan terutamanya terhadap ekosistem paya bakau yang berperanan sebagai penampan hakisan pantai.

Advokasi di media sangat penting untuk beri maklumat kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, kesan bencana dapat diminimumkan jika masyarakat mempunyai akses terhadap maklumat yang sepatutnya. Satu subjek teras alam sekitar perlu diperkenalkan, bukan sekadar dicampur aduk dalam subjek lain seperti alam sekitar di dalam subjek Geografi dan Biologi.

Bagi membudayakan gaya hidup yang baik, suri rumah boleh mengamalkan budaya mengasingkan sisa dapur dan sampah daripada rumah. Pengasingan sampah ini juga perlu dibudayakan dalam kalangan generasi muda dan kanak-kanak agar masalah alam sekitar dapat ditangani secara berperingkat bermula daripada rumah.

4) Polisi dan Keazaman Politik

Diskusi bersetuju bahawa wujudnya keperluan untuk memperketatkan peraturan *biosecurity* untuk mengekang masalah penyakit berjangkit haiwan ternakan. Ini adalah suatu *wake-up call* kepada semua NGO untuk melihat perkara ini dengan lebih serius dan memberikan maklumat kepada kerajaan, seperti contoh dalam isu *biosecurity* melibatkan kebun durian di Raub. Penggunaan racun tanpa kawalan ladang durian di Raub menyebabkan pencemaran alam yang serius dan mengambil masa untuk mengembalikan kepada keadaan asal.

Selain itu, Tuan Haji Zikrullah Ismail telah membangkitkan pengalaman beliau berhadapan dengan isu pembuangan *(discharging) alum sludge* yang dilakukan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) secara terus ke dalam sungai. Asasnya, penyelesaian berkaitan isu pembuangan *Alum Sludge* mengikut peruntukan undang-undang mestilah melalui proses penyimpanan di *Sludge Lagoon* atau *Sludge Treatment Facility* (sejenis kolam takungan khas). Dalam isu ini, PBAPP mendakwa mereka telah mengikuti peruntukan undang-undang semasa Akta Alam Sekeliling 1974. Namun, apabila perkara ini telah dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar, PBAPP telah dikenakan tindakan namun pengoperasian LRA Sungai Dua tidak dapat dihentikan kerana loji tersebut membekalkan kira-kira 85% air bersih kepada penduduk Pulau Pinang. Tambahan lagi, hanya 3 daripada 9 loji rawatan air (LRA) Pulau Pinang mempunyai *Sludge Treatment Facility*. Ini bermakna 6 LRA terlibat melakukan *discharge* terus keluar termasuk *discharge* besar-besaran yang dibuat di LRA Sungai Dua. Dalam kes ini, kerajaan dan NGO perlu memberikan perhatian kepada aspek penguatkuasaan undang-undang terutamanya daripada sudut pematuhan dan pemantauan operasi syarikat supaya agenda kelestarian alam benar-benar dapat dilaksanakan.

Penerokaan kerajaan di dalam aktiviti menukarkan sisa untuk diguna semula melalui program *waste-to-wealth* perlu di pergiatkan di seluruh peringkat. Kaedah ini boleh membuka peluang ekonomi untuk kumpulan berpendapatan rendah menambah sumber pendapatan. Isu

pengurusan sampah melalui kaedah larut lesap (*leaching*) adalah baik namun tetap menjadi masalah apabila jumlah sampah terlalu banyak dan tiada data khusus sisa pepejal. Negara kita mempunyai banyak strategi yang baik berdepan isu alam sekitar, namun daripada sudut pelaksanaan, masih banyak kekurangan yang perlu di tambah baik.

Berkenaan isu tenaga bersih di Malaysia, data menunjukkan tenaga solar dan hidrogen tidak mampu menggantikan sumber tenaga arang batu dan bahan api fosil yang merangkumi peratus besar sumber tenaga Malaysia. Berkemungkinan, negara perlu mempertimbangkan untuk menggunakan tenaga nuklear yang mampu memaksimumkan penghasilan tenaga dan meminimumkan penggunaan tanah berbanding solar.

Keazaman politik, keazaman NGO dan sokongan rakyat penting bagi menyelesaikan isu alam sekitar. Seruan semua NGO untuk duduk di bawah satu bumbung bekerjasama menyelesaikan isu-isu alam sekitar.



3. KESIMPULAN

Para peserta yang hadir dalam program ini bersepakat bahawa:

1. Pendidikan sangat penting untuk menyedarkan orang awam tentang kepentingan kepada isu alam sekitar. Justeru, hal ini boleh dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan hasrat ini.
2. Mencadangkan kepada pihak yang berkaitan agar diwujudkan hub data berpusat yang mengumpulkan data-data berkaitan alam sekitar. Data ini boleh dikongsikan bersama untuk makluman awam.
3. Program seperti yang dianjurkan ini harus diteruskan dan tidak terhenti di sini. Kerjasama antara NGO dan ahli akademik perlu dipertingkat agar satu suara dapat dibawa untuk perjuangan alam sekitar.

Akhirnya, Yayasan Strategik Lestari merakamkan jutaan penghargaan kepada semua wakil NGO dan ahli akademik yang turut serta memberikan pandangan dan komentar yang bernas. Memelihara dan memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua tidak mengira agama dan bangsa. Malaysia boleh dikategorikan sebagai maju daripada segi peraturan dan undang-undang namun masih ada ruang yang boleh ditambah baik. Justeru, kesatuan semua pihak dalam menangani isu alam sekitar amat diperlukan bagi memastikan penyelesaian secara menyeluruh dan berkesan. Kajian susulan mengikut kategori akan dilaksanakan bagi memastikan setiap agenda dasar berkaitan alam sekitar benar-benar praktikal dan memenuhi objektif.



Gambar peserta program Diskusi Hala Tuju Alam Sekitar

Penghargaan

YSL ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala sumbangan pandangan dan komentar yang diberikan oleh rakan strategik kami. Pandangan dan komentar tersebut direkodkan bagi menyediakan satu cadangan hala tuju ke hadapan bagi sektor alam sekitar negara.

Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN):

1. YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim, MP Kuala Terengganu
2. YB Dato' Azman bin Nasrudin, MP Padang Serai
3. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas, MP Mersing
4. YB Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin, MP Tangga Batu
5. YB Ts. Dr. Suffian bin Yusoff, ADUN Bandar Baharu

Ahli Akademik:

1. YBrs. Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman (Universiti Putra Malaysia)
2. YBrs. Sr. Ts. Dr. Mohd Faisal Bin Abdul Khanan (Universiti Teknologi Malaysia)
3. YBrs. Ts. Amirruddin Bin Abdul Kadir (Universiti Kebangsaan Malaysia)

Badan-Badan Bukan Kerajaan:

1. Rakan Alam
2. Jabatan Profesional Muda (Jpro)
3. Kelab Cinta Bumi Kelantan
4. Persatuan Lestari Alam Malaysia
5. All Women Empowerment To Accelerate (AWETA) & Pempengaruh Tik Tok
6. Pertubuhan Citra Lestari Alam Negeri Sembilan (Clean9)
7. Pertubuhan Prihatin Alam (PELIHARA)
8. Pertubuhan Lestari Alam Selangor (Alam Selangor)

TERIMA KASIH

Yayasan Strategik Lestari (YSL) adalah sebuah pertubuhan yang mendukung pembangunan lestari dan mampan dalam pelbagai aspek.

"Kelestarian Alam, Demi Masa Hadapan"

Perkhidmatan kami:
Penyelidikan dan Penerbitan
Menjalankan aktiviti penyelidikan dan penerbitan berteraskan data bagi kepentingan awam keseluruhannya

Konsultansi dan Latihan
Menawarkan latihan berteraskan kelestarian menyentuh semua aspek termasuk pentadbiran serta pengurusan lestari

Advokasi & Pengantarabangsaan
Menjalankan aktiviti advokasi tentang pembangunan kelestarian kepada pemegang taruh dan seluruh masyarakat

Yayasan Strategik Lestari (YSL) ialah sebuah pertubuhan bebas dan memerlukan sumbangan daripada pihak anda. Sebarang sumbangan boleh melalui akaun CIMB kami di 8605216889.